

12 MAR 1994  
Pusat  
terima  
hudud jika  
diakui  
ulama arif

KUALA LUMPUR 11 Mac  
— Kerajaan Pusat hanya akan menerima hukum hudud sebagai undang-undang yang dicadangkan oleh Pas sekiranya ia diakui oleh mereka yang arif mengenai Islam sebagai benar-benar berdasarkan agama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini adalah kerana undang-undang yang digubal oleh kerajaan negeri pimpinan Pas tidak adil.

Selain itu kata beliau, undang-undang itu mempunyai kepentingan yang berlainan daripada hukum agama Islam sebenar.

“Kita dapati undang-undang yang dibuat oleh Pas mempunyai kepentingan yang lain daripada agama. Kita memerlukan orang yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik atau kepentingan lain,” kata beliau kepada para pemberita selepas menerima kad ucapan Hari Raya Aidilfitri raksasa daripada kanak-kanak yang dirawat di Institut Pediatrik Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Dr. Mahathir dan isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali turut melawat institut tersebut dan menyampaikan cenderamata sempena perayaan itu.

Perdana Menteri seterusnya berkata, Jabatan Perdana Menteri akan memilih golongan bijak pandai Islam termasuk dari luar negara untuk mengkaji undang-undang berkenaan.

Pada 3 Mac lalu, Dr. Mahathir memberitahu, Kerajaan Pusat akan menubuhkan sebuah badan khas untuk mengkaji secara teliti undang-undang Pas Kelantan mengenai hukum hudud.